

28 FEB 2003

Mahathir-Lawat (Bergambar)

DR MAHATHIR LAWAT PROJEK PEMBANGUNAN PANTAI KOK

LANGKAWI, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat projek pembangunan Langkawi Harbour Park di Pantai Kok, di sini.

Perunding projek berkenaan Datuk Azhar Mansor memberi taklimat dari kapal layar Sean Paquito II yang yang berlabuh di marina berkenaan. Kapal layar itu adalah milik empat warga Belanda.

Projek berkenaan merupakan sebuah pelabuhan untuk kapal layar serta dibangunkan sebagai kawasan komersil.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi Padang Mat Sirat, pada pukul 5.45 petang ini untuk melakukan lawatan dua hari.

Sejurus tiba beliau terus berangkat ke projek berkenaan dan menaiki bot untuk meninjau pulau buatan yang digunakan untuk memecah ombak di Pantai Kok berkenaan.

Sebelum menaiki bot berkenaan, Dr Mahathir telah ditunjukkan sebuah ciptaan terbaru iaitu sebuah mini jeti mudah alih yang diperbuat daripada aluminium untuk digunakan sebagai jeti untuk penumpang naik ke bot dari daratan.

Esok Dr Mahathir dijadual merasmikan resort bertaraf antarabangsa Langkawi iaitu Lagoon Resort di Padang Mat Sirat dan merasmikan projek pecah tanah menaiktaraf Langkawi Underwater World di Pantai Cenang.

Beliau juga dijadualkan berdialog bersama para wakil industri pelancongan dan media mengenai usaha menarik pelancong asing dan menggambarkan negara ini sebagai sebuah negara yang selamat dilawati.

Perdana Menteri dijadual pulang ke Kuala Lumpur petang esok.

-- BERNAMA

MZM MAN PR